TEKS UCAPAN PERASMIAN

LT. KOL. NORIZAM BIN SEKAK

PENGARAH POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA

SEMPENA PROGRAM

SAMBUTAN BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN PERINGKAT PMM 2025

TARIKH: 27 OKTOBER 2025 (ISNIN)

Bismillahirahmanirahim

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,
Salam Malaysia MADANI,
Salam Melaka Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit Dunia.
Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,
Dan SalamPMM Warriors.

Terima kasih diucapkan kepada saudara/saudari pengacara majlis,

I. **Yang Berusaha Puan Faridatuljana Binti Mohd Noor,**
Timbalan Pengarah (Akademik)

II. **Yang Berusaha Ts. Zan Aizuwan Bin Zainal Abidin,**
Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)

III. **Yang Berusaha Encik Ahmad Syukri Bin Mohamed Yunus**,
Ketua Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar

IV. **Yang Berusaha Encik Mohd Zabri Bin Kamarudin,**
Ketua Unit Pengurusan Psikologi

Seterusnya para ketua-ketua jabatan, ketua-ketua unit, para pensyarah, para pegawai dan staf, urusetia serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

UCAPAN ALUAN

1. Alhamdulillah, Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, dapat kita berhimpun dalam **Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan Peringkat Politeknik Merlimau Melaka**

bagi 2025 pada hari ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada **Unit Pengurusan Psikologi PMM** atas inisiatif menganjurkan program ini yang amat bertepatan dengan usaha kita dalam memperkukuh kesejahteraan mental dan emosi seluruh warga politeknik.

Tuan-tuan & Puan-puan yang dihormati sekalian,

OBJEKTIF PROGRAM

2. Signifikannya sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan ini adalah untuk **meningkatkan kesedaran warga PMM, tentang kepentingan menjaga kesejahteraan psikologi** yang merangkumi aspek **kesihatan mental, kesedaran terhadap isu seksual, serta keseimbangan emosi dan sosial.** Dalam era yang semakin mencabar ini, kesejahteraan psikologi bukan lagi satu pilihan, tetapi suatu keperluan penting untuk memastikan kita semua kekal produktif dan sihat.

Di samping itu, program ini juga menjadi wadah untuk **mengiktiraf atau mempromosikan peranan Pegawai Psikologi dan Kaunselor** yang ada di politeknik kita, yang sentiasa memberikan perkhidmatan kaunseling secara profesional, beretika dan berkesan kepada seluruh warga politeknik. Sumbangan mereka amat besar dalam membantu individu menangani tekanan, membuat keputusan yang tepat serta menyesuaikan diri dengan cabaran hidup dan persekitaran kerja yang mencabar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

IMPAK YANG BOLEH DIPEROLEH

3. Sambutan ini juga bertujuan untuk **meningkatkan kesedaran dan akses warga PMM terhadap perkhidmatan kaunseling** yang disediakan. Kaunseling bukan hanya untuk mereka yang menghadapi masalah, tetapi merupakan **sistem sokongan penting untuk semua**, untuk kita mengenali potensi diri, mengurus emosi, dan memperkukuh kesejahteraan diri secara menyeluruh. Saya percaya, dengan adanya program seperti ini, kita dapat mewujudkan budaya saling

menyokong dan prihatin antara warga PMM, sekali gus menjadikan kampus lebih inklusif, empatik dan kondusif untuk perkembangan holistik pelajar serta staf.

KATA AKHIR & HARAPAN

4. Akhir kata, saya ingin menyeru kepada semua warga Politeknik Merlimau Melaka agar mengambil peluang menyertai setiap program dan aktiviti yang telah disusun sepanjang Bulan Kaunseling ini.

Jadikan ia sebagai ruang untuk kita memperbaiki diri, membina semangat positif dan mengukuhkan hubungan sesama rakan sejawat serta para pelajar. Saya berharap agar sambutan ini bukan sekadar acara tahunan, tetapi menjadi **satu gerakan berterusan dalam membudayakan kesejahteraan mental dan psikologi di PMM.**

PERASMIAN

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, **saya dengan ini merasmikan Program Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan Peringkat Politeknik Merlimau Melaka Tahun 2025.**

Sekian, wabillahi taufik walhidayah,

Wassalamualaikum W.B.T.